



# POLISI ANTIRASUAH

JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA (JPPM)  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

# **POLISI ANTIRASUAH JPPM**

**DITERBITKAN OLEH:**



**UNIT INTEGRITI  
JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA (JPPM)  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN)**

Aras 8 & 9, Setia Perkasa 7, Kompleks Setia Perkasa,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62546, W.P. Putrajaya  
No. Tel : 03-88702601  
No. Faks : 03-88702659  
Emel : [integritijppm@ros.gov.my](mailto:integritijppm@ros.gov.my)  
Laman Web : [www.ros.gov.my](http://www.ros.gov.my)

# Sekapur Sirih

**KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**



*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.*

Punca utama yang menyebabkan berlakunya jenayah rasuah dalam kalangan penjawat awam adalah kecenderungan mereka untuk mempunyai gaya hidup di luar kemampuan dan kemerosotan nilai murni yang menyebabkan individu tersebut sanggup mencemarkan integriti diri demi mencapai kesenangan dan kemewahan. Kegiatan rasuah bukan sahaja merupakan suatu jenayah yang melanggar undang-undang, malah boleh menjatuhkan dan memusnahkan imej negara.

**Polisi Antirasuah** ini diterbitkan selaras dengan hasrat Kementerian supaya Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) menuju ke arah pensijilan **MS ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Antirasuah - Anti-Bribery Management System (ABMS)**.

Oleh yang demikian, bertepatan dengan Polisi ini, warga JPPM diharap dapat menerapkan kesungguhan dalam mengambil tindakan berkesan bagi mengatasi salahlaku rasuah serta melahirkan warga Jabatan yang berintegriti.

Akhir sekali, saya dengan sukacitanya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan semoga ia menjadi panduan kepada warga JPPM dalam membendung gejala jenayah rasuah.

Sekian, terima kasih.



**DATUK HAJI RUJI BIN HAJI UBI**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Dalam Negeri





## PERUTUSAN KETUA PENGARAH JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA (JPPM)

**A**ssalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, saya memanjatkan rasa kesyukuran kehadrat Ilahi kerana dengan limpah dan izinNya, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) telah berjaya menerbitkan naskah **Polisi Antirasuah JPPM**.

JPPM sangat komited dalam memastikan urusan penyampaian perkhidmatan di Jabatan ini dilaksanakan dengan penuh integriti dan beretika. JPPM tidak bertoleransi dengan segala bentuk perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan dalam tadbir urus Jabatan. Ini selaras dengan agenda reformasi YAB Perdana Menteri Malaysia ke-10, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim yang konsisten dalam usaha memerangi rasuah di Malaysia.

**Polisi Antirasuah JPPM** telah dibangunkan sebagai panduan bagi warga JPPM untuk menangani isu berkaitan perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan dalam tadbir urus Jabatan di samping menerangkan secara terperinci kesalahan rasuah, pencegahan serta mekanisme pelaporan rasuah. Polisi ini juga merupakan satu keperluan dalam mendapatkan pensijilan **MS ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System (ABMS)** yang menjadi sasaran Jabatan.

Harapan saya agar semua warga JPPM dapat memahami dan menjadikan dokumen Polisi Antirasuah JPPM ini sebagai rujukan dalam urusan penyampaian perkhidmatan Jabatan dan terus mengekalkan imej bersih Jabatan yang bebas rasuah.

Sekian, terima kasih.

**DATO' MOHD ZULFIKAR BIN AHMAD**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM)  
Tarikh: *10/6/2024*



# KANDUNGAN

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
1.	Pendahuluan	1
2.	Tujuan	1
3.	Takrifan	1
4.	Penyataan Polisi Antirasuah JPPM	2
5.	Pelakuan Berunsur dan Berpotensi Rasuah	3
6.	Kesalahan-kesalahan Rasuah	4
7.	Undang-undang dan Peraturan lain yang berkuatkuasa	7
8.	Peranan dan Tindakan Warga JPPM	7
9.	Perlindungan Pemberian Maklumat	8
10.	Pengiktirafan kepada warga JPPM	8
11.	Pertanyaan dan Pelaporan	9
12.	Pemakaian	9
13.	Ketidakpatuhan	9
14.	Tarikh Kuatkuasa	9
15.	Penutup	9
16.	Rujukan	10

## 1. PENDAHULUAN

- 1.1. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melalui Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) telah mengemukakan surat pemakluman kepada JPPM dengan rujukan surat SPRM.BPIA.600-9/3/1 Jld. 26 (20) bertarikh 23 November 2023 menyatakan bahawa pihak BPIA telah melaksanakan Penarafan Semula Risiko Rasuah bagi tahun 2023 dan dapatan daripada BPIA menunjukkan bahawa JPPM berada dalam kategori **Risiko Rendah**.
- 1.2. Justeru, Polisi Antirasuah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM), Kementerian Dalam Negeri dibangunkan sebagai satu usaha dalam mencegah perlakuan jenayah rasuah yang membawa kepada apa-apa salah guna kuasa dan penyelewengan yang mungkin boleh berlaku di Jabatan. Penghasilan Polisi ini merupakan penambahbaikan kepada usaha-usaha sedia ada dalam memantapkan tadbir urus Jabatan dan mengatasi pelanggaran integriti.

## 2. TUJUAN

Polisi ini diwujudkan adalah bertujuan untuk menjadi sumber rujukan kepada seluruh warga JPPM mengenai perlakuan jenayah rasuah, *mekanisme* pelaporan jenayah rasuah dan tatacara pencegahan jenayah rasuah di Jabatan.

## 3. TAKRIFAN

### 3.1. RASUAH

Rasuah dalam konteks Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) membawa maksud memberi atau menawarkan, menerima atau meminta atau setuju untuk menerima atau meminta suapan secara langsung atau tidak langsung sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi.

### 3.2. SUAPAN

Suapan merujuk kepada tafsiran ‘suapan’ di bawah Seksyen 3, Akta 694 yang mana ertiannya-

- 3.2.1 wang, derma, alang, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat seumpamanya.

- 3.2.2 apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan, dan apa-apa perjanjian untuk memberi pekerjaan atau memberikan perkhidmatan atau apa-apa sifat;
- 3.2.3 apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya;
- 3.2.4 apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebet, bonus, potongan atau peratusan;
- 3.2.5 apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;
- 3.2.6 apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain, termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau tidakupayaan yang dikenakan atau yang dikuatir atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah, sama ada atau tidak sudah dimulakan, dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi; dan
- 3.2.7 apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat, untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan (3.2.1) hingga (3.2.6).

### **3.3. WARGA JPPM**

Merujuk kepada semua pegawai dan kakitangan lantikan secara tetap, sementara dan kontrak di JPPM.

## **4. PERNYATAAN POLISI ANTIRASUAH JPPM**

JPPM beriltizam untuk mengamalkan sistem pengurusan agensi yang berkualiti dan kondusif dengan menerapkan amalan tadbir urus efektif, berintegriti tinggi dan bebas rasuah melalui pengaplikasian peraturan secara berterusan bagi memastikan segala ruang dan peluang rasuah dapat ditangani dengan cekap dan berkesan. Justeru, JPPM komited untuk:

- (a) Membanteras segala amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa daripada berlaku dalam kalangan warga JPPM;
- (b) Mematuhi peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

2009 dan undang-undang atau peraturan berkaitan serta memberi kerjasama penuh kepada SPRM dalam membendung segala bentuk perlakuan rasuah di setiap peringkat pegawai dan kakitangan JPPM;

- (c) Polisi ini juga bersesuaian dengan hala tuju jabatan iaitu visi, misi, pelan strategik dan aspirasi negara;
- (d) Polisi ini terpakai kepada semua warga JPPM dan pihak-pihak berkepentingan dalam urusan jabatan dan digunakan sebagai kerangka kerja dalam penetapan, penyemakan dan pencapaian objektif antirasuah;
- (e) Memastikan warga JPPM mematuhi Polisi Antirasuah JPPM dan segala prosedur yang berkaitan ke arah penambahbaikan berterusan;
- (f) Menyediakan ruang, saluran aduan dan perlindungan pemberi maklumat untuk melaporkan sebarang kesalahan rasuah atau kelakuan tidak wajar melalui peruntukan di bawah Polisi Perlindungan Pemberian Maklumat (*Whistleblowing*);
- (g) Memperkasa Fungsi Pematuhan Unit Integriti JPPM yang bebas dan mempunyai kuasa untuk memantau pematuhan antirasuah dan melaporkan kepada pengurusan atasan serta pihak berkaitan;
- (h) Mengambil tindakan punitif dan tatatertib yang sewajarnya ke atas warga JPPM dan pihak-pihak berkepentingan yang gagal mematuhi Polisi Antirasuah JPPM; dan
- (i) Sentiasa menambah baik keperluan-keperluan di bawah Polisi Antirasuah ini dari semasa ke semasa.

## 5. PERLAKUAN BERUNSUR DAN BERPOTENSI RASUAH

<b>Transactive</b>	Persetujuan untuk memberi dan menerima suapan ( <i>win-win situation</i> ).
<b>Extortive</b>	Ugutan dengan tujuan untuk tidak mengambil tindakan.
<b>Defensive</b>	Bayaran dengan tujuan mendapatkan perlindungan.
<b>Investive</b>	Bayaran untuk menjamin balasan/habuan pada masa hadapan.
<b>Nepotisme</b>	Penyalahgunaan kuasa dan kedudukan untuk kepentingan peribadi/saudara (keluarga)/sekutu.
<b>Autogenic</b>	Perlakuan rasuah yang telah menjadi amalan dan budaya dalam organisasi.
<b>Supportive</b>	Penempatan proksi/kroni di tempat strategik ( <i>hotspot</i> ) dalam organisasi.

## 6. KESALAHAN-KESALAHAN RASUAH

Kesalahan-kesalahan rasuah sebagaimana dijelaskan di bawah Akta 694 dan Kanun Keseksaan (Akta 574) adalah seperti berikut:

### 6.1 Kesalahan menerima suapan di bawah Seksyen 16, Akta 694

- 6.1.1 Mana-mana orang secara rasuah **meminta** atau **menerima** atau **bersetuju untuk menerima** bagi dirinya atau orang lain apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perkara atau transaksi; atau
- 6.1.2 Mana-mana orang secara rasuah **memberi**, **menjanjikan** atau **menawarkan** kepada mana-mana orang sama ada bagi faedah dirinya atau orang lain apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa transaksi.

### 6.2 Kesalahan memberi atau menerima suapan oleh ejen di bawah Seksyen 17, Akta 694

- 6.2.1 Mana-mana orang sebagai ejen secara rasuah **menyetuju terima** atau **memperoleh** daripada mana-mana orang untuk dirinya atau orang lain, apa-apa suapan sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya; atau
- 6.2.2 Mana-mana orang sebagai seorang ejen **memberikan** atau **bersetuju untuk memberikan** atau **menawarkan** apa-apa suapan kepada mana-mana ejen sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya.

### 6.3 Kesalahan membuat tuntutan palsu di bawah Seksyen 18, Akta 694

Mana-mana orang yang **memberi** seseorang ejen, atau sebagai seorang ejen **menggunakan**, dengan niat hendak memperdayakan prinsipalnya, **apa-apa resit, akuan atau dokumen lain** yang prinsipalnya mempunyai kepentingan, dan dia mempunyai sebab untuk mempercayai mengandungi **apa-apa pernyataan yang palsu atau silap tentang apa-apa butir matan**, dan yang dimaksudkan untuk mengelirukan prinsipalnya

**6.4 Kesalahan menyogok pegawai badan awam di bawah Seksyen 21, Akta 694**

Mana-mana orang yang **menawarkan** kepada seseorang pegawai mana-mana badan awam, atau sebagai seorang pegawai mana-mana badan awam, **meminta** atau **menerima**, apa-apa suapan sebagai suatu dorongan atau upah walaupun pegawai itu tidak mempunyai kuasa, hak atau peluang untuk berbuat demikian, atau walaupun dorongan atau upah itu tidak ada hubungan hal ehwal badan awam itu.

**6.5 Kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan di bawah Seksyen 23, Akta 694**

Mana-mana pegawai badan awam yang menggunakan **jawatan atau kedudukannya** untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya.

**6.6 Hukuman di bawah Seksyen 24, Akta 694**

6.6.1 Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 16, 17, 21 dan 23 Akta 694, apabila disabitkan boleh:

- (i) **dipenjara** selama **tempoh tidak melebihi dua puluh tahun**; dan
- (ii) **didenda tidak kurang lima kali ganda** jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu, atau **sepuluh ribu ringgit**, mengikut **mana-mana yang lebih tinggi**.

6.6.2 Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 18, Akta 694, apabila disabitkan boleh:

- (i) **dipenjarakan** selama **tempoh tidak melebihi dua puluh tahun**; dan
- (ii) **didenda tidak kurang lima kali ganda** jumlah atau nilai butir matan yang palsu, atau silap itu, atau **sepuluh ribu ringgit**, mengikut **mana-mana yang lebih tinggi**.

**6.7 Kewajipan melaporkan transaksi penyogokan di bawah Seksyen 25, Akta 694**

6.7.1 Mana-mana orang yang **diberi**, **dijanjikan** atau **ditawarkan** suapan hendaklah **melaporkan** pemberian, janji atau tawaran itu,

serta dengan nama, jika diketahui, orang yang memberi, menjanjikan atau menawarkan suapan itu kepadanya kepada pihak berkaitan.

6.7.2 Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen tersebut apabila disabitkan boleh:

- (i) **didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit; atau**
- (ii) **dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.**

6.7.3 Mana-mana orang yang daripadanya suapan telah **diminta** atau **diperoleh** atau **suatu cubaan dibuat** untuk memperoleh suapan itu, hendaklah **melaporkan** permintaan atau perolehan, atau cubaan untuk memperoleh suapan itu beserta dengan perihalan yang lengkap dan benar dan, jika diketahui, nama orang yang meminta, atau memperoleh, atau cuba memperoleh, suapan daripadanya kepada pihak berkaitan.

6.7.4 Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen tersebut apabila disabitkan boleh:

- (i) **didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit; atau**
- (ii) **dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.**

6.8 **Kesalahan menerima barang berharga dengan tiada balasan daripada orang yang ada kena mengena dalam apa-apa pembicaraan atau urusan yang dijalankan oleh penjawat awam itu di bawah Seksyen 165, Kanun Keseksaan (Akta 574)**

Mana-mana pegawai awam yang **menerima** atau **memperoleh**, atau **setuju untuk menerima** atau **cuba untuk memperoleh** untuk dirinya atau untuk mana-mana orang lain apa-apa barang berharga dengan tiada balasan atau dengan balasan yang pegawai itu mengetahui tidak mencukupi daripada penjawat awam yang pegawai itu mengetahui telah; atau sedang; atau mungkin ada kena mengena dalam apa-apa pembicaraan atau urusan yang telah dijalankan, atau yang akan dijalankan oleh penjawat awam itu, atau ada apa-apa perhubungan dengan kerja-kerja rasminya sendiri atau dengan kerja-kerja rasmi seseorang penjawat awam yang dibawahnya ia bekerja atau daripada yang ia ketahui sebagai ada kepentingan atau bersangkutan dengan orang yang ada kena mengena dengan penjawat awam itu, hendaklah

dihukum dengan hukuman penjara selama **tempoh tidak melebihi dua tahun** atau **denda atau kedua-duanya sekali**.

#### **6.9 Kesalahan pemalsuan di bawah Seksyen 465, Kanun Keseksaan (Akta 574)**

Mana-mana orang yang **melakukan pemalsuan** hendaklah dihukum dengan hukuman **penjara** selama **tempoh tidak melebihi dua tahun** atau **denda atau kedua-duanya sekali**.

### **7. UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN LAIN YANG BERKUATKUASA**

Undang-undang dan peraturan lain berkaitan perlakuan rasuah adalah seperti berikut:

- 7.1 Di bawah Seksyen 3, Akta 694, ‘kesalahan ditetapkan’ ertiya:
  - 7.1.1 Mana-mana kesalahan yang dinyatakan dalam jadual perenggan 3(a);
  - 7.1.2 Kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 137 Akta kastam 1967 (Akta 235);
  - 7.1.3 Kesalahan di bawah bahagian III Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5);
  - 7.1.4 Sesuatu percubaan untuk melakukan mana-mana kesalahan yang disebut dengan perenggan (7.1.1) hingga (7.1.3); atau
  - 7.1.5 Sesuatu persubahatan atau komplot jenayah untuk melakukan (sebagaimana istilah yang ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan) mana-mana kesalahan yang disebut dalam perenggan (7.1.1) hingga (7.1.3), sama ada atau tidak kesalahan itu dilakukan berbangkit daripadanya.
- 7.2 Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605).
- 7.3 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakukan Dan Tatatertib) 1993.

### **8. PERANAN DAN TINDAKAN WARGA JPPM**

- 8.1 Dalam usaha menutup ruang dan peluang rasuah, warga JPPM hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:

#### **JANGAN MEMINTA**

Warga JPPM dilarang meminta atau menerima apa-apa bentuk suapan.

**TOLAK**

Warga JPPM hendaklah **menolak** apa-apa tawaran atau pemberian rasuah.

**LAPOR**

Warga JPPM hendaklah dengan **segera melaporkan** apa-apa perlakuan rasuah kepada pengurusan atasan dan pihak berkaitan.

- 8.2 Warga JPPM boleh melaporkan apa-apa perlakuan rasuah dengan mengemukakan sekurang-kurangnya maklumat asas **(5W+1H)** seperti berikut:

- 8.2.1 Siapakah (*who*) yang terlibat?
- 8.2.2 Bilakah (*when*) kejadian berlaku?
- 8.2.3 Dimanakah (*where*) kejadian berlaku?
- 8.2.4 Apakah (*what*) kesalahan yang berlaku?
- 8.2.5 Kenapakah (*why*) kesalahan berlaku?
- 8.2.6 Bagaimanakah (*how*) kesalahan berlaku?
- 8.2.7 Saksi atau dokumen berkaitan (sekiranya ada).

**9. PERLINDUNGAN PEMBERIAN MAKLUMAT**

Apa-apa pendedahan yang diterima termasuk **maklumat** dan **identiti pemberi maklumat** adalah **rahsia** antara Pegawai Yang Dilantik dengan pemberi maklumat, serta mereka yang terlibat di dalam penyiasatan atau mana-mana proses mengikut keperluan pada dasar “perlu tahu” sahaja seperti yang dinyatakan di dalam Polisi Perlindungan Pemberian Maklumat (*Whistleblowing*) JPPM.

**10. PENGIFTIRAFAN KEPADA WARGA JPPM**

Pengiktirafan dalam bentuk sijil penghargaan, pencalonan anugerah pingat di peringkat Persekutuan atau Negeri atau **ganjaran** kepada mana-mana warga JPPM yang melaporkan pemberian dan penerimaan rasuah seperti yang dinyatakan dalam **Surat Edaran Ketua Setiausaha Negara rujukan SPRM0BKP:20/22/1.9 bertarikh 11 Mei 2011**.

## 11. PERTANYAAN DAN PELAPORAN

Sebarang pertanyaan atau pelaporan pelanggaran terhadap Polisi ini boleh dikemukakan melalui saluran seperti berikut:

- i) emel: [integritijppm@ros.gov.my](mailto:integritijppm@ros.gov.my)
- ii) telefon: 03-8870 2631/2625 (Unit Integriti JPPM)
- iii) bersemuka; atau
- iv) menulis surat kepada

**Ketua Pengarah  
Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM)  
Kementerian Dalam Negeri  
Aras 9, Setia Perkasa 7, Kompleks Setia Perkasa  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62546, Putrajaya  
(U.P.: Ketua Unit Integriti)**

## 12. PEMAKAIAN

Polisi ini terpakai ke atas semua warga JPPM. Polisi ini juga hendaklah dijadikan panduan oleh pemimpin kerajaan, individu berpengaruh, pertubuhan ataupun mana-mana individu/organisasi yang berurusan dengan warga JPPM.

## 13. KETIDAKPATUHAN

Keengganan dan kegagalan warga JPPM mematuhi Polisi ini boleh disifatkan sebagai ingkar perintah dan boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

## 14. TARIKH KUATKUASA

Polisi Antirasuah JPPM ini berkuatkuasa mulai tarikh ia ditandatangani oleh Ketua Pengarah JPPM.

## 15. PENUTUP

Dengan wujudnya Polisi Antirasuah JPPM ini, warga JPPM diharap dapat memahami berkaitan perlakuan rasuah yang membawa kepada apa-apa penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan, seterusnya dapat menutup ruang dan peluang perlakuan rasuah. Pematuhan terhadap Polisi ini akan menjadikan pemangkin kepada kecekapan dan ketelusan pengurusan berteraskan prinsip *governans*, integriti dan antirasuah.

## RUJUKAN

1. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
2. Kanun Keseksaan (Akta 574).
3. Akta badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605).
4. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993.
5. Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 mengenai Pemantapan Governans, Integriti dan Anti-Rasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan.
6. Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023.
7. Surat Edaran Ketua Setiausaha Negara - Pengiktirafan Kepada Penjawat Awam Yang Melaporkan Pemberian Atau Penerimaan Rasuah rujukan SPRM/BKP: 20/22/1.9 bertarikh 11 Mei 2011.
8. *Public Service Corruption Ranking (PSCR)* 2020.



**UNIT INTEGRITI  
JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA (JPPM)  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN)**